



NEGERI PERAK

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

Jil. 68  
Bil. 6

**12hb Mac 2015**

*TAMBAHAN*  
*No. 1*

---

---

KANUN TANAH NEGARA  
(Akta 56 tahun 1965)

NATIONAL LAND CODE  
(Act 56 of 1965)

**No. 726.**

[Subseksyen 64(2)]

NOTIS CADANGAN PEMBATALAN PERIZABAN TANAH

[Subsection 64(2)]

NOTICE OF PROPOSED REVOCATION OF RESERVATION OF LAND

Bahawasanya melalui Pemberitahuan No. 50 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri-Negeri Perak* pada 21 Januari 1909 Residen, pada menjalankan kuasa yang terletakinya hak kepadanya oleh seksyen 8 Enakmen Tanah 1903, telah mengisytiharkan bahagian tanah yang terletak di Mukim Batang Padang, Daerah Batang Padang yang diperihalkan dalam Jadual dan terlukis di atas Pelan No. 215-7 yang disimpan di Pejabat Juru Ukur Daerah Batang Padang sebagai tanah rizab bagi maksud awam iaitu sebagai suatu tapak takungan yang akan diselenggarakan oleh Jurutera Eksekutif Batang Padang;

Dan bahawasanya, kini didapati suai manfaat oleh Pihak Berkuasa Negeri bahawa perizaban yang tersebut terdahulu itu dibatalkan sebagaimana yang diperihalkan dalam Jadual;

Maka oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada Pihak Berkuasa Negeri di bawah subseksyen 64(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri dengan ini memberi notis di bawah subseksyen 64(2) Kanun itu, mengenai cadangan untuk membatalkan keseluruhan perizaban tersebut sebagaimana yang diperihalkan dalam Jadual dan sesiapa jua yang ingin membantah pembatalan itu akan didengar oleh Pengarah Tanah dan Galian, Perak dalam satu siasatan yang akan diadakan di Bilik Mesyuarat, Pejabat Daerah dan Tanah Batang Padang pada 31 Mac 2015 jam 8.00 pagi hingga 1.00 tengahari.

## JADUAL

Daerah—Batang Padang. Mukim—Batang Padang. No. Pelan—215-7. No. Lot—1285. Luas—6 ekar 3 rood dan 11 poles.

Bertarikh 26 Januari 2015

[PTG.Pk. 821-1 Jld. 5(C); PTBP(T) 36/2-645;

PU.Pk. 67/71-54 Jld. 66]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD

*Setiausaha*

*Majlis Mesyuarat Kerajaan*

*Perak Darul Ridzuan*

Whereas, by Notification No. 50 published in the Perak Government *Gazette* on 21 January 1909, in exercise of the power vested in him by Section 8 of The Land Enactment 1903, the Resident proclaimed that the parcel of land situated in the Mukim of Batang Padang, District of Batang Padang described in the Schedule and delineated upon Revenue Survey Plan No. 215-7 deposited in the Office of the District Surveyor, Batang Padang to be reserved for the public purpose, namely as a site for a reservoir to be maintained by the Executive Engineer of Batang Padang;

And whereas it now appears expedient to the State Authority that the aforesaid reservation should be revoked as described in the Schedule;

Now therefore, in exercise of the powers conferred upon the State Authority under subsection 64(1) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority hereby gives notice under subsection 64(2) of the Code of the proposal to revoke wholly the reservation as described in the Schedule and those who wish to object to such revocation will be heard by the Director of Lands and Mines, Perak in an inquiry to be held at the Meeting Room, Land and District Office of Batang Padang on 31 March 2015 at 8.00 a.m. to 1.00 p.m.

---

---

SCHEDULE

District—Batang Padang. Mukim—Batang Padang. Plan No.—215-7.  
Lot No.—1285. Area—6 acres 3 roods and 11 Poles.

Dated 26 January 2015

[PTG.Pk. 821-1 Jld. 5(C); PTBP(T) 36/2-645;

PU.Pk. 67/71-54 Jld. 66]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD

*Secretary*

*State Executive Council*

*Perak Darul Ridzuan*

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
CAWANGAN IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA